

05 NOV 1996

Mahathir-komplot

ADA KOMPLOTT TERHADAP USAHAWAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Kuah Guan Oo

HARARE, 5 Nov (Bernama) -- Terdapat satu komplot terhadap usahawan Malaysia yang menjalankan perniagaan di luar negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil merujuk kepada laporan media asing yang memberi gambaran negatif mengenai pelaburan Malaysia di luar negara, Perdana Menteri berkata terdapat pihak khususnya dari Eropah yang tidak senang melihat usahawan Malaysia menembusi tempat yang mereka bergerak.

Ketika bercakap kepada wartawan Malaysia sebelum majlis penutupan sidang kemuncak G-15 di sini, Dr Mahathir berkata apabila usahawan Malaysia melabur di Papua New Guinea, terdapat bantahan dari Australia dan begitu juga di Kemboja dari Perancis.

Perniagaan dari Malaysia di Zimbabwe juga menghadapi bantahan dalam media tempatan dan negara-negara Barat.

"Tawaran kita kepada mereka ialah untuk membolehkan kaum 'bumiputera' di sini terlibat dalam pembangunan," katanya.

Perdana Menteri berkata ahli perniagaan Malaysia seharusnya bersedia menghadapi tentangan seperti itu.

"Itulah sebabnya kita sering memberitahu mereka supaya menjadi warga korporat yang baik," katanya.

Semalam, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe membidas Barat kerana mempertikaikan keputusan kerajaannya memilih YTL Corp dari Malaysia untuk mengendalikan projek penswastan Stesen Jana Kuasa Thermal Hwange bernilai RM1.5 bilion.

Ketika ditanya mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata beliau diberitahu oleh Mugabe bahawa empat duta Zimbabwe telah diminta memberi penjelasan manakala Menteri Pengangkutan dan Tenaga Zimbabwe Simon Moyo juga diminta oleh diplomat di sini supaya menjelaskan bagaimana dan kenapa perkongsian itu terjalin.

Katanya beliau tidak pernah memanggil duta asing di Kuala Lumpur untuk menjelaskan keputusan masing-masing, dan apa yang jelas di sini ialah terdapat tekanan yang dikenakan oleh negara-negara Barat.

Beliau berkata: "Jika ada tender antarabangsa, kita gunakan tender. Kadangkala ianya berdasarkan perundingan...ini adalah keputusan kerajaan."

Dr Mahathir juga berkata ahli perniagaan Malaysia melabur di negara membangun lain, ada antaranya yang masih dikuasai oleh Barat.

Bagaimanapun, kata beliau, pelaburan Malaysia itu hanyalah dalam bidang yang ahli perniagaan Malaysia mempunyai kepakaran.

Dalam persidangan akhbar bersama selepas majlis penutupan itu, Dr Mahathir berkata bahawa pada masa lepas perdagangan dan pelaburan biasanya ialah dari Utara ke Selatan.

Tetapi apa yang sedang dilakukan oleh negara-negara G-15 ialah menggalakkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara membangun sendiri.

Mugabe berkata negara-negara membangun bukan sekadar mahu menggalakkan perdagangan dan pelaburan sesama mereka tetapi juga antara Utara dan Selatan dengan cara yang adil.-- BERNAMA

KGO MAI